

19/11/1999

Barisan mahu sapu bersih di Sarawak

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Khamis - Langkah menggugurkan beberapa muka lama dan mengetengahkan muka baru dalam senarai Barisan Nasional (BN) Sarawak adalah antara pendekatan BN negeri, dalam usaha menyapu bersih semua 28 kerusi Parlimen pada pilihan raya kali ini.

Pengerusi BN negeri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, ia bertujuan memastikan kesinambungan perjuangan dalam parti, selain mengasuh pemimpin pelapis yang mempunyai pemikiran lebih relevan dengan situasi baru.

Menurutnya, langkah mengubah senarai calon juga sejajar kehendak pucuk pimpinan parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya perubahan dilakukan dari semasa ke semasa, untuk memantapkan kekuatan parti.

"Perubahan ini memang antara pendekatan kita. Saya tidak mahu cakap besar...tapi insya-Allah kemungkinan besar kita boleh melakukannya (menyapu bersih semua kerusi Parlimen di Sarawak).

"Peluang kita nampak cerah," katanya pada sidang media ketika mengumumkan senarai 28 calon BN negeri, di Ibu pejabat Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), di sini, petang ini.

BN Sarawak membuat 25 peratus perubahan dengan menurunkan tujuh muka baru, termasuk seorang calon langsung yang akan bertanding di kerusi baru, Mambong.

Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) melakukan paling banyak perubahan iaitu 50 peratus atau dua daripada empat calonnya, diikuti Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) melakukan 30 peratus perubahan iaitu tiga daripada 10 calonnya dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) membuat 16 peratus perubahan iaitu satu daripada enam calonnya.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) satu-satunya parti komponen BN negeri yang mengekalkan semua tujuh penyandanganya.

Taib yang juga Presiden PBB, turut mengumumkan bahawa Sarawak tidak akan membuat manifesto tambahan.

Mengenai perubahan dalam PBB, beliau berkata, pengguguran Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha daripada mempertahankan kerusi Kuala Rajang dilakukan kerana beliau (Abang Abu) mahu bersara.

Penduduk kawasan itu katanya, mahukan Datuk Effendi Norwawi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Dalat, mengambil alih tempat Abang Abu.

Mengenai perubahan di Kapit, beliau berkata, ia adalah atas permintaan penyandang kerusi berkenaan, James Jimbun anak Pungga, yang mahukan pemimpin muda mengambil alih.

Manakala pengguguran Michael Lisa Kaya bagi kerusi Bukit Mas juga katanya, atas permintaan Lisa yang mahu memberi sepenuh tumpuan dengan perniagaannya.

Timbalan Presiden Snap, Datuk Petter Tinggom anak Kamarau, yang hadir pada sidang media sama berkata, pemilihan Dr Tiki Lafe untuk bertanding di kerusi Mas Gading dibuat selepas mempertimbangkan semua sudut.

"Sementara Datuk Tiang King Sing yang dicalonkan di Bintulu pula, seorang ahli perniagaan yang dikenali ramai dikawasan itu," katanya.

Beliau berkata, peluang untuk BN merampas kembali kerusi Bintulu daripada DAP adalah cerah.

Sementara Presiden PBDS, Datuk Leo Moggie pula berkata, langkah menggugurkan Datuk Sng Chee Hua daripada mempertahankan kerusi Julau adalah disebabkan beliau turut menjadi Adun Pelagus.